MYTV broadcasting

**TERMA & SYARAT UNTUK KEMPEN "PROMOSI PEMASANGAN MYTV"**
**(hendaklah dibaca bersama Terma & Syarat Kempen Am)**

| | |
|---|---|
| **1.Penganjur** | MYTV Broadcasting Sdn Bhd ["MYTV"]. |
| **2. Kempen** | ["Promosi Pemasangan MYTV"]. |
| **3. Tempoh Kempen** | Promosi akan bermula pada 25 Jun 2022 sehingga tarikh berakhirnya promosi yang akan diberitahu kelak. |
| **4. Kelayakan** | Promosi ini terbuka untuk semua warganegara Malaysia dan pemastautin bukan warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia. |
| **5.Syarat Kempen** | (1) Promosi adalah sah untuk pemasangan bagi IDTV (Integrated Digital TV).<br>(2) Harga pemasangan adalah termasuk antena dan kabel.<br>(3) Kawasan pemasangan terletak di kawasan yang boleh menerima siaran DTT sahaja (penggunaan antenna sahaja).<br>(4) Promosi adalah untuk mereka yang berdaftar di booth promosi sahaja.<br>(5) Pemasangan hendaklah dilakukan oleh pemasang berdaftar MYTV sahaja.<br>(6) Kos pemasangan adalah sebanyak RM99 dan harus ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan.<br>(7) Pembayaran hendaklah dilakukan sejurus selepas pemasangan dan dibayar secara terus kepada pemasang berdaftar MYTV.<br>(8) Pihak MYTV tidak akan bertanggungjawab atas segala perubahan pembayaran (sekiranya ada) di antara pelanggan dan pemasang. |
| **8.Terma Tambahan** | a. Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Kempen Am.<br>b. Setiap penyertaan adalah tertakluk kepada pengesahan oleh MYTV. Sekiranya butiran ditentukan oleh MYTV sebagai tidak sah atau tidak lengkap (mengikut budi bicara mutlak), penyertaan akan dibatalkan.<br>c. MYTV boleh menggunakan mana-mana penyertaan atau apa-apa kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi seperti nama pelanggan dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan untuk pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana perkhidmatan MYTV, tanpa sebarang pampasan dalam mana-mana media. Pelanggan hendaklah melakukan semua perkara yang perlu untuk tujuan tersebut jika diminta oleh MYTV.<br>d. MYTV berhak mengikut budi bicara mutlaknya, tanpa memberi sebarang notis, dan tanpa sebarang liabiliti kepada mana-mana pelanggan untuk |

| | |
|---|---|
| | menukar Terma dan Syarat ini termasuk menukar tempoh promosi atau terma lain secara keseluruhan atau sebahagiannya.<br>e. MYTV berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana pelanggan yang melanggar Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat Kempen Am, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkenaan. |